

BAB 5: Perbincangan dan Rumusan, Impilksi dan Cadangan

Menurut Thornton (1985a) keputusan kurikulum merupakan salah satu aspek keputusan pendidikan yang paling penting. Beliau mengatakan:“ ... *while one can have a school without administrators, counselors, funding, a building, or testing, one cannot have a school without a curriculum.*” (hlm.164). Dengan kurikulum, sesebuah sekolah boleh wujud tanpa pentadbiran, kaunselor, dana, bangunan dan penilaian. Sungguhpun kurikulum yang baik memang penting untuk sesuatu kursus yang ditawarkan, akan tetapi setakat mempunyai satu kurikulum yang baik tidak akan menjamin kurikulum tersebut diajar dan dipelajari seperti diingini kerana pencapaian kurikulum bergantung kepada keefisienan guru semasa pelaksanaan (Menis, 1991). Program pendidikan yang terbaik tidak akan mendapat impak yang diingini, sekiranya elemen-elemen penting tidak dilaksanakan dengan baiknya (Ruiz-Primo, 2006). Walau bagaimanapun, optimistik ialah prasyarat dalam perjalanan penambahbaikan kurikulum (Thornton, 1985a).

Didapati kurikulum bahasa Mandarin untuk kajian ini direka dan dibentuk untuk melahirkan graduan yang boleh bertutur satu lagi bahasa, dan pelajar berpendapat bahawa objektif kursus ini yang memfokus kepada kemahiran komunikasi sejajar dengan keperluan pelajar memilih subjek ini. Akan tetapi hasil kursus ini yakni keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa yang dipelajari sering dipertikaikan. Tambahan, kajian lepas tentang bahasa Mandarin lebih memberi tumpuan kepada kajian linguistik, tatabahasa, kaedah pengajaran dan stail pembelajaran, kajian tentang pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin masih tidak dijalankan setakat ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan meneliti kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis bahasa Mandarin dengan pelaksanaannya, yakni kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari di salah satu Institusi Pengajian Tinggi

di Malaysia. Di samping itu, pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin juga diteliti. Kajian ini menjawab tiga soalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah pensyarah melaksanakan kurikulum bertulis bahasa Mandarin dalam kelas?
2. (i). Apakah kurikulum bahasa Mandarin yang dipelajari pelajar dalam kelas?
(ii). Apakah pengalaman pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin?
3. Bagaimanakah kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin?

Berdasarkan soalan kajian tersebut, kajian kualitatif yang mengaplikasikan ciri-ciri tiga peringkat pendekatan iluminatif, yakni pemerhatian pengkaji, pertanyaan lanjutan dan mencari penjelasan untuk meneroka proses pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin secara mendalam telah digunakan. Dua konsep kajian iluminatif iaitu sistem pengajaran dan milieu pembelajaran digunakan sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini. Sementara itu, audit kurikulum English (1992) diadaptasikan untuk menerangkan kesejajaran dan ketidaksejajaran ketiga-tiga jenis kurikulum tersebut. Protokol kajian kualitatif iluminatif seperti pemerhatian kelas, temu bual mendalam, dokumen kurikulum bertulis dan jurnal peserta digunakan untuk mendapat data bagi kajian ini. Tiga orang pensyarah dari tiga kelas bahasa Mandarin pada tahap III dipilih untuk menjadi peserta kajian, dan tiga orang pelajar dari setiap kelas tersebut dipilih untuk menyertai kajian ini. Pendek kata, peserta kajian ini terdiri daripada tiga orang pensyarah dan sembilan orang pelajar. Tiga kali pemerhatian kelas dan tiga kali temu bual separa berstruktur untuk setiap peserta kajian telah dilaksanakan setelah menjalankan pemerhatian kelas.

Seterusnya, bab ini menumpu perhatian kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama membuat rumusan dan membincangkan rumusan kajian, terutama sekali

tentang kesejajaran dan ketidaksejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran, kurikulum pengajaran dengan kurikulum dipelajari, kurikulum bertulis dengan kurikulum dipelajari dan kesejajaran dan ketidaksejajaran antara ketiga-tiga jenis kurikulum serta pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin. Bahagian kedua membincangkan implikasi dan cadangan untuk dapatan kajian terhadap kurikulum bertulis bahasa Mandarin dan pelaksanaannya, yakni kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari, penambahbaikan kurikulum bertulis bahasa Mandarin serta meningkatkan profesionalisme dan kepakaran guru. Bahagian ketiga memberi saranan untuk penyelidikan lanjut dan membuat kesimpulan secara keseluruhan untuk kajian ini.

5.1 Perbincangan dan Rumusan

Kajian ini dijalankan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia untuk meneroka dan meneliti kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis bahasa Mandarin dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari secara mendalam. Perbincangan seterusnya menumpu perhatian kepada perkara yang menjadi persoalan dalam kajian ini, yakni proses pelaksanaan kurikulum bertulis yang melibatkan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari, pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin dan kesejajaran dan ketidaksejajaran ketiga-tiga jenis kurikulum tersebut.

5.1.1 Kurikulum Pengajaran dalam Kelas Bahasa Mandarin pada Tahap III

Salah satu dapatan utama kajian ini ialah kaedah dan fokus pengajaran pensyarah tidak sejajar dengan kurikulum bertulis. Hal ini demikian kerana pensyarah tidak merujuk ataupun setakat menyelak-nyelak dokumen kurikulum bertulis sebelum mengajar dalam kelas. Dalam dokumen informasi kurikulum untuk kursus ini, terdapat deskripsi terhadap kursus ini seperti berikut:

“The Elementary Mandarin Language course is intended for students who have no background or any character-based language. This is the third of a three-

level Mandarin Language programme designed specifically for the Bachelor degree students. The students will be taught appropriate elementary level vocabulary and grammar. The course will emphasize greatly on developing participants oral communication skills in situational contexts through class activities such as role plays, speech, simulations and other relevant oral tasks. Students are expected to take part in all language activities conducted in class to ensure success in attaining the elementary level proficiency.”

(Informasi Kursus Bahasa Mandarin III, 2011)

Nyata dilihat deskripsi kursus tersebut menegaskan pelatihan kemahiran komunikasi pelajar dalam konteks tertentu pada tahap asas melalui penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti kelas seperti lakon peranan, perucapan, simulasi dan lain-lain tugas lisan. Di samping itu, kosa kata dan tatabahasa pada tahap asas yang sesuai juga diperkenalkan. Selain daripada itu, hasil kursus untuk kursus ini menerangkan bahawa setelah mengikuti kursus ini, pelajar dapat membaca, memahami dan menulis ayat dan dialog dalam bentuk tulisan Rumi, memperoleh pengetahuan budaya Cina daripada tajuk tertentu serta boleh membaca dan mengenali tulisan Cina yang disenaraikan dalam sukatan pelajaran.

Berdasarkan deskripsi dan hasil kursus serta reka bentuk buku teks yang digunakan untuk kursus ini, didapati sukatan pelajaran ini direka berlandaskan kriteria pengajaran bahasa komunikatif, yakni cenderung kepada aktiviti kelas yang melibatkan interaksi pelajar secara aktif (Richards & Rodgers, 2002; Savignon, 2001). Dari segi peranan pelajar, kaedah pengajaran bahasa komunikatif mencadangkan pelajar harus belajar untuk berkomunikasi sebaik sahaja mula belajar atau menjalankan aktiviti. Prosedur kaedah pengajaran bahasa komunikatif boleh diringkaskan seperti berikut: ia bermula dengan pensyarah mempersembahkan satu dialog atau beberapa mini dialog kepada pelajar dan berbincang dengan pelajar fungsi situasi yang diberikan. Kemudian melatih ujaran dalam dialog bermula dengan semua pelajar dalam kelas bersama-sama, separuh kelas, kumpulan dan akhirnya berpasangan dan individu. Seterusnya aktiviti soal jawab berdasarkan dialog berkenaan dan pengalaman pelajar dijalankan.

Kemudian, pensyarah memberi beberapa dialog yang serupa dengan situasi berkenaan untuk mengulangi dan menerangkan penggunaan kosa kata dan ujaran dalam dialog. Latihan lisan berlangsung dari memberi panduan oleh pensyarah kepada aktiviti komunikasi bebas. Akhirnya, pensyarah menilai pembelajaran secara lisan (Richards & Rodgers, 2002).

Namun, ketiga-tiga pensyarah untuk kajian ini menumpu perhatian kepada menerangkan penggunaan kosa kata dan tatabahasa secara terperinci serta mementingkan sebutan pelajar. Namun, menurut Richards dan Rodgers (2002), aktiviti pengajaran yang memfokus kepada ketepatan tatabahasa amat berbeza dengan kemahiran komunikasi. Manakala dari segi ketepatan sebutan, Savignon (2001) mengatakan bahawa dalam pengajaran bahasa komunikatif, pelajar tidak perlu bertutur seperti penutur natif. Jelas dilihat fokus pengajaran pensyarah tidak sejajar dengan kursus bahasa Mandarin yang cenderung kepada pengajaran bahasa komunikatif. Ketidaksejajaran ini merupakan salah satu sebab pelajar tidak dapat menguasai kemahiran bertutur bahasa Mandarin dalam kehidupan harian setelah mengikuti kursus untuk kajian ini.

Selain itu, aktiviti bahasa yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif untuk melatih bahasa Mandarin tidak dilaksanakan, ataupun hanya dilaksanakan sekali-sekala oleh pensyarah sekiranya mempunyai masa lebih setelah mengajar perkara yang dipercayai lebih penting oleh pensyarah. Padahal aktiviti kumpulan merupakan aktiviti kelas yang paling berkesan untuk melibatkan interaksi pelajar terhadap bahasa yang dipelajari (Brumfit, 1985), namun Hanna tidak pernah melaksanakan aktiviti kumpulan sepanjang masa kursus. Ketiga-tiga pensyarah menerangkan hal ini demikian kerana kekangan masa. Bagi pensyarah, membekalkan informasi dan pengetahuan tentang bahasa yang dipelajari lebih penting daripada menjalankan aktiviti bahasa dalam kelas. Pensyarah tidak memahami objektif utama dan objektif sambilan dalam pengajaran.

Maka, objektif utama kursus bahasa Mandarin untuk melahirkan pelajar yang boleh bertutur bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian melalui pelbagai aktiviti yang berbentuk lisan dalam kelas telah diabaikan (Shan, 2014).

Schmidt, Houang dan Cogan (2002) mengatakan isi kandungan yang ternyata dalam kurikulum bertulis adalah penting untuk mencapai objektif kursus yang ditawarkan. Ini kerana kurikulum yang menentukan perkara yang akan dipelajari pelajar. Kurikulum bertulis merupakan panduan untuk pensyarah merancang dan melaksanakan pengajaran dalam kelas. Sungguhpun begitu, kefahaman pensyarah terhadap sesuatu kurikulum bertulis lazimnya dipengaruhi oleh kepercayaan dan keprofesionalan pensyarah (Moore, 1984; Weisz, 1988).

Porter dan Smithson (2001) menghujahkan bahawa kurikulum bertulis bukan sahaja tidak dilaksanakan sepenuhnya, bahkan terdapat pengajar yang menyampaikan perkara yang tidak ternyata dalam kurikulum bertulis seperti dapatan kajian ini. Didapati tidak ada sesiapa pun yang mengendalikan pengajaran dalam kelas yang merealisasikan hasrat kurikulum bertulis untuk melibatkan penyertaan pelajar secara aktif dalam aktiviti kelas yang berbentuk lisan. Tambahan, pensyarah menegaskan penerangan kosa kata dan tatabahasa secara terperinci dan sering membetulkan sebutan pelajar. Dapatan kajian ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Yangki (1998) dan Brown (2009) tentang pelaksanaan kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran untuk subjek geografi di Bhutan dan kurikulum pendidikan teknologi (ITEA) di Amerika Syarikat. Kedua-dua kajian masing-masing menunjukkan kurikulum bertulis biasanya tidak dilaksanakan keseluruhannya, dan tidak disampaikan seperti yang diingini kerana kurikulum berkenaan tidak diimplementasikan sepenuhnya oleh guru, maka ia tidak dapat dialami pelajar sepenuhnya.

Hal tersebut menerangkan bahawa guru atau pensyarah merupakan ejen utama antara kurikulum bertulis dengan kurikulum dipelajari dan menentuklan pelaksanaan kurikulum pengajaran disampaikan seperti yang diinginkan dalam kurikulum bertulis. McCutcheon (1988, dlm. Schwartz, 2006) menghuraikan perkara tersebut seperti berikut:

Teachers are the filters through which the mandated curriculum passes. Their understanding of it, and their enthusiasm, or boredom, with various aspects of it, colours its nature. Hence, the curriculum enacted in classrooms differs from the one mandated by administrators or developed by experts (hlm. 198).

McCutcheon mengatakan guru adalah sebagai penuras semasa melaksanakan kurikulum bertulis. Kefahaman, keghairahan atau kebosanan guru terhadap kurikulum bertulis dan aspek-aspek lain lagi akan mempengaruhi keaslian kurikulum bertulis. Ini menyebabkan kurikulum yang dilaksanakan dalam kelas berbeza dengan kurikulum bertulis yang ditetapkan oleh pihak pengurusan ataupun yang direka oleh pakar seperti yang terdapat dalam kajian ini. Menurut Crookes (2001) guru merupakan seseorang yang banyak membuat keputusan terhadap setiap pengajaran dalam kelas. Thornbury (2009) menyatakan peranan guru sebagai pengajar dan pembimbing, tertutamanya untuk menjadi pengantara buku teks kursus dengan pelajar melalui penerangan dan pemodelan item bahasa dan mengeset serta mengawasi interaksi pelajar.

Maka, untuk mengelakkan pensyarah melaksanakan kurikulum bertulis berdasarkan kefahaman sendiri, isi kandungan kurikulum bertulis untuk kursus ini harus dihuraikan dengan jelas dan terperinci oleh penggubal kurikulum, khususnya dari segi objektif kursus dan kaedah pengajaran. Ini adalah untuk memastikan pensyarah lebih menyedari peranan mereka dalam kelas dan mempunyai informasi yang jelas untuk merancang pengajaran supaya pengajaran pensyarah adalah sejajar dengan objektif kursus, bukan mengajar berdasarkan kepercayaan pensyarah sendiri seperti Hanna, Sophia dan Terry. Di samping itu, pihak pengurusan harus memastikan pensyarah membaca dan memahami kandungan kurikulum bertulis dan menggunakan kurikulum

bertulis sebagai rujukan dan panduan untuk melaksanakan kurikulum pengajaran, bukan setakat menyelak-nyelak dokumen berkenaan sahaja. Untuk ini, Thornton (1985a) dan Yangki (1998) mencadangkan pemantauan yang kerap harus dijalankan oleh pihak pengurusan untuk memastikan kurikulum pengajaran dilaksanakan berdasarkan kandungan dalam kurikulum bertulis.

Pendek kata, ketiga-tiga pensyarah mengaplikasikan kaedah pengajaran bahasa nahu terjemahan sepanjang masa melaksanakan pengajaran dalam kelas, iaitu fokus pengajaran bukan untuk kemahiran bertutur dan mendengar seperti yang diingini untuk kursus ini, tetapi mementingkan pelajar belajar bahasa melalui analisis tatabahasa secara terperinci (Richards & Rodgers, 2002). Menurut Celce-Murcia (2001) kesan pelaksanaan kaedah nahu terjemahan dalam pengajaran bahasa ialah pelajar tidak mempunyai keupayaan berkomunikasi dalam bahasa sasaran. Pernyataan tersebut menerangkan keadaan pencapaian pelajar untuk kajian ini setelah mengikuti kursus bahasa Mandarin selama tiga semester. Didapati pelajar mendapat pencapaian akademik yang baik, tetapi tidak menguasai kemahiran komunikasi yakni mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian.

Hal yang demikian menerangkan bahawa terdapat kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dari segi penilaian kursus. Sungguhpun ketiga-tiga pensyarah tidak merujuk kepada kurikulum bertulis untuk merancang dan melaksanakan kurikulum pengajaran, mereka merancang pengajaran dan mengajar dalam kelas mengikut penilaian yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis sepenuhnya. Ini menunjukkan pensyarah lebih mementingkan pencapaian akademik pelajar daripada kemahiran bertutur dalam kehidupan harian setelah mengikut kursus ini. Glathorn (1999) menerangkan hal ini dengan mengatakan kurikulum bertulis cuma mempunyai pengaruh yang moderat terhadap kurikulum pengajaran, kurikulum yang paling mempengaruhi guru dan pelajar ialah kurikulum teruji.

Oleh sebab itu, kurikulum tidak pernah dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi telah diadaptasi oleh pengguna terutamanya guru (Snyder et al., 1992). Jadi, sungguhpun mempunyai kurikulum bertulis yang paling bercita-cita tinggi, pencapaiannya bergantung kepada keefisienan guru semasa melaksanaannya (Menis, 1991). Menurut Goodlad dan Klein (1970) hal ini demikian kerana biasanya inovasi yang dianggap gagal dilaksanakan sebenarnya tidak gagal kerana inovasi itu sebenarnya tidak dilaksanakan. Dengan itu, umumnya pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas setelah mengikuti kursus ini adalah kerana pelaksanaannya, yakni terdapat ketidaksejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran seperti yang dibincangkan tersebut.

5.1.2 Kurikulum Dipelajari dalam Kelas Bahasa Mandarin pada Tahap III

Dapatan kajian mendapati bahawa perkara yang pelajar mempelajari melalui kurikulum pengajaran amat terhad. Kesembilan-sembilan pelajar mengatakan mereka setakat memahami pengajaran pensyarah dalam kelas tetapi tidak dapat bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Pelajar mengatakan hal ini demikian kerana tidak mempunyai peluang untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kelas.

Pelajar menyuarakan bahawa kandungan yang disampaikan dalam kelas adalah terlalu banyak dan cenderung kepada pengajaran sebutan dan tatabahasa secara mendalam. Pensyarah mempercayai sekiranya pelajar tidak memahami kosa kata dan tatabahasa, objektif kursus yang fokus kepada kemahiran bertutur tidak akan tercapai. Pensyarah juga mempercayai sekiranya pelajar tidak menguasai sebutan dengan baik, pelajar tidak dapat memahami percakapan orang lain, orang lain juga tidak memahami percakapan pelajar. Sebaliknya, segala yang pensyarah mengatakan adalah baik untuk pelajar merupakan beban bagi pelajar. Secara amnya, pensyarah menumpu kepada membekalkan pengetahuan dalam bahasa yang dipelajari, manakala pelajar mengharapkan amali bahasa dalam kelas. Dari segi membetulkan sebutan pelajar,

pelajar memberi pandangan bahawa kaedah membetulkan sebutan pelajar ketika pelajar membaca beramai-ramai adalah tidak sesuai dan tidak berkesan kerana tidak dapat mengesan siapa yang melakukan kesalahan. Padahal pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk penutur bukan natif, pelajar tidak perlu bertutur seperti penutur natif (Savignon, 2001). Perbincangan tersebut jelas menunjukkan ketidaksejajaran kurikulum antara kurikulum pengajaran dengan kurikulum dipelajari.

Mengikut Richard dan Renandya (2002), pengajaran bahasa komunikatif tidak begitu menekankan kepada kecekapan tatabahasa, ia lebih menekankan kepada kecekapan sociolinguistik, yakni mengutamakan keupayaan pelajar bertutur dalam situasi yang sedang berlangsung dengan betul dan sesuai. Li (2015) mengatakan pensyarah harus memilih aktiviti pengajaran yang menarik dan topik aktiviti yang menggambarkan kehidupan harian, tidak perlu menyampaikan terlalu banyak pengetahuan tentang bahasa yang dipelajari. Di samping itu, menggalakkan pelajar mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian. Menurut Lin (2015) selain daripada pengajaran dalam kelas, pensyarah harus menggalak pelajar mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam komuniti, dan mengambil berat hal ini.

Pandangan tersebut sejajar dengan pandangan pelajar yang menyuarakan pengajaran pensyarah yang fokus kepada penyampaian maklumat tentang bahasa yang dipelajari dalam masa dua jam menyebabkan pelajar tidak dapat memfokus dan menyerap pengajaran pensyarah. Pelajar berpendapat aktiviti yang melibatkan interaksi pelajar terhadap bahasa yang dipelajari lebih memanfaatkan daripada mempelajari teori bahasa sahaja. Pelajar mengharapkan pensyarah boleh memperbanyak lagi aktiviti kelas yang dapat mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kelas dan mengatakan pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak akan mencapai objektifnya jika mempelajari teori dalam bahasa berkenaan sahaja. Pelajar mengharapkan peluang untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kelas. Pelajar berasa rugi kerana

pensyarah hanya menjalankan aktiviti kelas yang melibatkan pertuturan dengan rakan sekali-sekala sahaja sepanjang masa kursus ini. Pelajar berasa pensyarah yang monopoli pertuturan dalam kelas. Sehubungan dengan itu, pensyarah sepatutnya menggantikan masa untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran secara terperinci dan membetulkan sebutan pelajar berulang kali dalam kelas dengan memperbanyak aktiviti kelas seperti aktiviti kumpulan yang membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Mandarin. Hal ini menerangkan bahawa dalam realiti pelajar selalu tidak dapat mempelajari perkara yang diajar oleh guru (Glatthorn, 1999).

Perbincangan tersebut menunjukkan pelajar lebih mengharapkan aktiviti dalam kelas yang membolehkan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin tentang situasi yang dipelajari pada masa dua jam daripada memahami teori dan tatabahasa. Keperluan pelajar tersebut adalah selaras dengan kandungan yang ternyata dalam kurikulum bertulis. Namun, pensyarah tidak mengambil berat hal tersebut dan mengatakan kekangan masa merupakan punca utama aktiviti kelas tidak dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Padahal aktiviti bahasa dalam kelas seperti aktiviti kumpulan merupakan salah satu ciri-ciri kaedah pengajaran bahasa komunikatif (Richards & Rodgers, 2002).

Dari segi pengajaran bahasa Mandarin untuk pelajar bukan penutur natif, Li (2015) dan Zhu (2006) mengatakan kepentingan pelatihan dan penguasaan pelajar dari segi kemahiran penggunaan bahasa, iaitu teknik untuk berkomunikasi supaya pelajar dapat mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam komuniti, bukan untuk membolehkan pelajar memahami dan menguasai pengetahuan bahasa berkenaan. Keperluan pelajar terhadap kursus ini adalah sejajar dengan objektif kurikulum bertulis ini, namun pelaksanaan kurikulum pengajaran yang bergantung kepada keprofesionalan dan kefahaman pensyarah terhadap kursus ini telah menyebabkan ketidaksejajaran kurikulum tersebut berlaku. Dapatan kajian terhadap pembelajaran pelajar dalam kelas

bahasa Mandarin ini menunjukkan sama ada perkara yang diajar oleh pensyarah merupakan kandungan kurikulum bertulis dan dapat dipelajari oleh pelajar amat dipertikaikan (Porter & Smithso, 2001).

Selain itu, didapati kaedah pengajaran pensyarah mempengaruhi pembelajaran pelajar dalam kelas bahasa Mandarin. Di antara ketiga-tiga pensyarah, Hanna dan Terry tidak pernah mengubah kaedah pengajaran sepanjang masa kajian ini dijalankan. Akan tetapi kaedah pengajaran Sophia lebih kreatif dan fleksibel. Sophia menyesuaikan kaedah pengajaran beliau berdasarkan tajuk tertentu. Sophia mengaplikasikan *brainstorming*, pemetaan, gambar-gambar, bercerita dan melukis untuk mengajar kosa kata dan tatabahasa. Sungguhpun begitu, Lisa dan Rizal suka akan kaedah pengajaran Sophia, Sheila mengatakan kaedah pengajaran kosa kata mengikut senarai kosa kata dalam buku teks lebih senang untuk beliau mengingat kosa kata yang dipelajari.

Jelas dilihat, stail pembelajaran pelajar adalah berbeza, maka kaedah pengajaran pensyarah perlu sentiasa berubah untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar. Perkara tersebut dapat dijelaskan dengan pandangan Bell (2007) dalam dapatan kajian tentang pandangan guru terhadap kaedah pengajaran. Beliau merumuskan bahawa setakat mana pun konsep kaedah didefinisikan, ia bukan sesuatu yang “mati”. Guru harus menyedari kegunaan kaedah dan melakukannya lebih daripada itu. Kumaravadivelu (2001) menyatakan perkembangan pedagogi pasca-kaedah adalah kerana perasaan ketidakpuasan terhadap konsep kaedah yang berpegang kepada satu set prosedur pengajaran. Hal ini demikian kerana bukan hanya terdapat satu kaedah sahaja dalam pengajaran bahasa, guru sendiri boleh mencuba pendekatan yang selaras dengan keunikan individu dan peka terhadap kemungkinannya melalui “sense of plausibility” (Prabhu, 1990).

Secara amnya, kurikulum dipelajari pelajar dalam kelas bahasa Mandarin, yakni merujuk kepada hasil pembelajaran pelajar daripada penyampaian kurikulum

pengajaran pensyarah dalam kelas Mandarin adalah amat terhad. Selain daripada pengajaran pensyarah yang mempengaruhi kurikulum dipelajari, pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin di luar kelas juga memberi kesan kepada kurikulum dipelajari dalam kelas.

5.1.3 Pengalaman Pelajar Mempelajari Bahasa Mandarin

Kesembilan-sembilan peserta pelajar tidak pernah bertutur dalam bahasa Mandarin sebelum mereka mengikuti kursus bahasa Mandarin ini. Sungguhpun Lisa pernah belajar bahasa Cina selama setahun ketika beliau belajar di sekolah rendah pada darjah lima, beliau tidak mengingati apa-apa dalam bahasa Mandarin. Manakala Sheila boleh bertutur beberapa ungkapan dalam bahasa Mandarin kerana beliau belajar sendiri melalui drama bersiri dalam bahasa Mandarin sebelum mengikuti kursus ini. Majoriti pelajar mengambil kursus bahasa Mandarin ini kerana minat dan untuk kerjaya masa depan. Harapan pelajar terhadap kursus ini ketika mendaftar untuk kursus ini adalah untuk bertutur dalam bahasa Mandarin dalam kehidupan harian, yakni menguasai kemahiran mendengar dan bertutur.

Akan tetapi, setelah mengikuti kursus ini selama tiga semester, daripada sembilan pelajar tersebut hanya terdapat seorang pelajar sahaja iaitu Sheila, dapat bertutur dalam bahasa Mandarin dengan menggunakan kebanyakan perkara yang telah dipelajari dalam kursus ini. Kebanyakan pelajar tidak dapat bertutur apa-apa dalam bahasa Mandarin. Dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian terhadap pelajar yang mempelajari bahasa asing di beberapa negara Eropah, yakni pencapaian pelajar terhadap bahasa asing adalah amat rendah (Johnson, 2001).

Sungguhpun begitu, dapatan kajian menunjukkan pencapaian akademik pelajar adalah baik dan memuaskan. Namun, pelajar mengatakan pencapaian akademik mereka untuk subjek ini tidak menggambarkan keupayaan pertuturan dalam bahasa Mandarin. Ini menunjukkan pelajar hanya menguasai kurikulum teruji bukan menguasai

kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas seperti yang diharapkan dalam kurikulum bertulis. Dengan kata lain, sungguhpun pelajar mencapai akademik pengajaran yang baik untuk subjek ini, pelajar tidak dapat mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian, yakni menggunakan bahasa Mandarin dalam komuniti. Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik yang baik tidak semestinya menggambarkan keupayaan mengaplikasikan subjek yang dipelajari (Henderson & Gornik, 2007). Perkara ini dapat diterangkan melalui pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin yang akan dibincangkan seterusnya dalam bahagian ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua pelajar untuk kajian ini umumnya belajar atau mengulang kaji bahasa Mandarin sekiranya perlu menghadapi peperiksaan ataupun menyiapkan kerja rumah. Sehubungan dengan itu, pelajar belajar ataupun mengulang kaji bahasa Mandarin berdasarkan penilaian yang ditetapkan dalam kurikulum ini. Mengikut Cuban (1995) dan Yangki (1998), perkara yang diuji adalah terbatas kepada sebahagian daripada perkara yang ingin disampaikan oleh pereka polisi dan pengajaran guru. Memandangkan pelajar hanya belajar perkara yang akan diuji untuk kursus ini, ini bermakna kurikulum dipelajari pelajar untuk kursus ini amat terhad. Dengan itu, cuma sebahagian kecil daripada kurikulum bertulis yang benar-benar dipelajari oleh pelajar (Brophy, 1982).

Selain itu, belajar bahasa Mandarin semata-mata untuk menghadapi peperiksaan telah menyebabkan ingatan pelajar terhadap perkara yang dipelajari adalah dalam jangka masa pendek sahaja. Setelah menduduki peperiksaan, pelajar tidak dapat mengingati perkara yang telah dipelajari sebelumnya. Lebih-lebih lagi, pelajar belajar atau mengulang kaji bahasa Mandarin selama dua jam dalam seminggu, dan kebanyakan pelajar mengulang kaji bahasa Mandarin semalam sebelum kelas bahasa Mandarin diadakan sahaja.

Sesungguhnya, dalam dokumen kurikulum bertulis telah dinyatakan masa belajar sendiri pelajar di luar kelas untuk bahasa Mandarin adalah dalam lingkungan empat jam hingga enam jam seminggu. Ini bermakna masa pembelajaran sendiri pelajar di luar kelas untuk bahasa Mandarin amat rendah dan tidak mencukupi. Padahal pembelajaran bahasa pada peringkat asas memerlukan usaha pelajar untuk menguasai kuantiti kosa kata yang banyak (Lu, 2000) dan memerlukan pelatihan yang konsisten di luar kelas (Li, 2015; Lin, 2015). Liu (1997) mengatakan kemahiran komunikasi pelajar terhadap bahasa yang dipelajari bukan semata-mata bergantung kepada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Keupayaan pelajar menguasai kemahiran komunikasi dipengaruhi oleh pendedahan dan kuantiti input terhadap bahasa yang dipelajari di luar kelas. Pelajar cuma belajar untuk menghadapi peperiksaan sahaja dan tidak menggabungkan pengajaran dalam kelas dengan pelatihan di luar kelas, maka objektif pelajar ketika memilih kursus ini, yakni untuk menguasai kemahiran pertuturan dalam bahasa Mandarin tidak dapat dicapai. Perbincangan tersebut juga menerangkan sebab pelajar memperolehi pencapaian akademik yang baik tetapi tidak dapat mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian.

Selain daripada yang dibincangkan tersebut, sikap dan individu pelajar juga mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa Mandarin. Sungguhpun semua pelajar kecuali Melini yang mengatakan mereka minat terhadap bahasa Mandarin, akan tetapi pelajar tidak mengambil berat terhadap subjek bahasa Mandarin jika dibandingkan dengan subjek lain. Ini dapat dilihat dari segi pelajar memilih untuk mengulang kaji subjek lain sekiranya menghadapi peperiksaan pada hari yang sama, ataupun menyiapkan projek atau kerja rumah subjek lain terlebih dahulu. Padahal subjek ini juga penting bagi pelajar kerana pelajar wajib mengambil salah satu subjek bahasa Asia dan Eropah dan lulus subjek berkenaan bagi pelajar program Ijazah Sarjana Muda di universiti ini.

Minat sahaja tidak akan menjadi pemangkin yang mendorong pelajar berusaha secara konsisten. Pelajar perlu mempunyai ketabahan yang teguh dan kesanggupan yang kukuh untuk belajar sehingga menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Ini dapat dilihat daripada pengalaman mempelajari bahasa Mandarin Sheila dan Farah. Sungguhpun Sheila dan Farah juga belajar untuk peperiksaan, namun mereka mempunyai inisiatif untuk mempelajari bahasa Mandarin lebih sedikit daripada pelajar lain melalui drama bersiri dan lagu dalam bahasa Mandarin. Ini bermakna Sheila dan Farah lebih terdedah kepada bahasa Mandarin daripada pelajar yang lain. Menurut Dai (2013) belajar melalui lagu dapat memupuk minat pelajar untuk belajar bahasa Mandarin dan menjadikan suasana kelas lebih ceria dan meriah.

Sheila merupakan pelajar yang paling baik antara kesembilan-sembilan pelajar untuk kajian ini dari segi keupayaan mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam pertuturan, diikuti dengan Farah. Manakala, Lisa juga mengatakan beliau minat terhadap bahasa Mandarin dan merupakan satu-satunya pelajar yang pernah belajar bahasa Cina selama setahun sebelum mengikuti kursus ini, namun beliau gagal kursus bahasa Mandarin pada tahap III dan tidak dapat bertutur apa-apa pun dalam bahasa Mandarin. Sheila mengatakan inisiatif pelajar yang menentukan kejayaan seseorang belajar bahasa, bukan hanya bergantung kepada tempoh jangka masa kursus berkenaan.

Selain itu, kebanyakan pelajar tidak mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam komuniti ataupun bertutur dengan penutur natif kerana pelajar berasa segan dan malu. Tambahan, pelajar tidak berpeluang untuk bertutur dalam kelas, apatah lagi mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam komuniti untuk bertutur dengan penutur natif. Pelajar takut melakukan kesalahan ataupun risau tidak memahami pertuturan orang lain ketika komunikasi berlangsung. Hal ini demikian kerana kuantiti kosa kata yang dikuasai pelajar amat terhad. Menurut Lu (2000) , sekiranya pelajar bukan penutur natif ingin menguasai bahasa Mandarin pada tahap asas, menguasai kuantiti kosa kata

yang banyak merupakan perkara yang penting sekali. Tambahan, pembelajaran bahasa untuk komunikasi haruslah berdasarkan kaedah cuba-cuba “*trial and error*” (Savignon, 2001), sekiranya pelajar takut melakukan kesalahan, maka pelajar tidak mungkin dapat menguasai bahasa yang dipelajari.

5.1.4 Kesejajaran antara Kurikulum Bertulis dengan Kurikulum Pengajaran dan Kurikulum Dipelajari

Kurikulum bertulis bahasa Mandarin ini menerangkan fokus kursus ini adalah untuk memupuk kemahiran komunikasi pelajar dalam bahasa Mandarin melalui pelaksanaan aktiviti bahasa dalam kelas yang berbentuk lisan agar pelajar dapat berinteraksi dalam bahasa Mandarin secara aktif. Fokus utama kurikulum ini adalah untuk melahirkan graduan yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam kehidupan harian.

Dapatan kajian Heng, Neo dan Teh (2009) tentang persepsi pelajar terhadap kursus ini mendapati majoriti pelajar mengatakan kursus ini dapat memenuhi keperluan dan minat pelajar. Di samping itu, kursus ini yang menegaskan kemahiran komunikasi bahasa Mandarin pada tahap asas adalah sejajar dengan keperluan pelajar untuk menguasai kemahiran bahasa Mandarin dari segi pertuturan. Dari segi kandungan buku teks, lebih daripada 90% pelajar berpuas hati dengan isi kandungan dan situasi yang terdapat dalam buku teks. Ini menunjukkan kursus ini adalah sesuai dan dapat memenuhi keperluan pelajar yang mengambil subjek ini. Sungguhpun begitu, kurikulum ini tidak dapat dilaksanakan seperti yang diinginkan dan dapatan kajian menunjukkan terdapat kesejajaran dan ketidaksejajaran antara kurikulum bertulis dengan pelaksanaannya, yakni kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari.

Rajah 5.1 memaparkan dapatan kajian yang menerangkan kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari untuk kursus bahasa Mandarin pada tahap III. Didapati terdapat kesejajaran antara kurikulum bertulis

dengan kurikulum pengajaran, iaitu pensyarah habis mengajar kandungan yang tercatat dalam sukatan pelajaran dan menjalankan kurikulum teruji seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Dapatan kajian ni menunjukkan pengajaran pensyarah cenderung kepada kurikulum teruji daripada kurikulum bertulis. Oleh sebab itu didapati pencapaian akademik pelajar adalah baik sungguhpun pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam kehidupan harian seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Hal ini menunjukkan pencapaian kurikulum teruji tidak menggambarkan keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan perkara yang dipelajari dalam kehidupan harian (Henderson & Gornik, 2007). Kurikulum teruji berbeza dengan kurikulum dipelajari kerana kurikulum teruji setakat menguji pencapaian pelajar terhadap perkara yang diuji dalam peperiksaan sahaja. Namun, kurikulum dipelajari merangkumi segala pengalaman dan perkara yang betul-betul dialami pelajar dalam kelas. Padahal kurikulum dipelajari merupakan jenis kurikulum yang terpenting dan kurang dapat dikawal oleh pelajar (Glatthorn, 1999). Glatthorn menerangkan seterusnya



Rajah 5.1: Kesejajaran dan Ketidaksejajaran antara Kurikulum Bertulis Bahasa Mandarin dengan Kurikulum Pengajaran dan Kurikulum Dipelajari

dengan mengatakan kurikulum bertulis cuma mempunyai pengaruh yang moderat terhadap kurikulum pengajaran, kurikulum yang paling mempengaruhi guru dan pelajar ialah kurikulum teruji.

Meskipun begitu, dalam proses pelaksanaan kurikulum bertulis ketidaksejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran berlaku kerana pensyarah tidak mengaplikasikan kaedah pengajaran bahasa komunikatif yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif dalam aktiviti bahasa yang berbentuk lisan dalam kelas. Pensyarah menggunakan kaedah tradisional yang berpusatkan guru, yakni kaedah nahu terjemahan yang menegaskan penerangan tatabahasa dan terjemahan, bukan kaedah pengajaran bahasa komunikatif yang berpusatkan pelajar dan menekankan aktiviti bahasa berbentuk lisan dalam kelas. Mengikut Celce-Murcia (2001) kesan pelaksanaan kaedah nahu terjemahan dalam pengajaran bahasa ialah pelajar tidak mempunyai keupayaan berkomunikasi dalam bahasa sasaran.

Hal ini demikian kerana pensyarah merancang dan melaksanakan kurikulum pengajaran tanpa merujuk kepada dokumen kurikulum bertulis, bahkan berdasarkan kepercayaan masing-masing terhadap kursus ini untuk menjalankan pengajaran dalam kelas. Moore (1984) dan Weisz (1988) menerangkan perkara tersebut dengan mengatakan bahawa kurikulum pengajaran yang disampaikan dalam kelas biasanya dipengaruhi oleh kefahaman guru terhadap falsafah kurikulum bertulis, apatah lagi pensyarah tersebut tidak menggunakan kurikulum bertulis sebagai panduan untuk melaksanakan kurikulum pengajaran. Cuban (1995) mengatakan guru yang menentukan dan memilih perkara dan kaedah yang hendak diajar dalam kelas, pemilihan kandungan dan kaedah penyampaian kurikulum pengajaran bergantung kepada pengetahuan guru terhadap subjek berkenaan, pengalaman mengajar subjek, kegemaran guru tentang topik tertentu dan tingkah laku guru terhadap pelajar yang diajar. Maka, kualiti dan keupayaan pensyarah terhadap subjek yang diajar memainkan peranan yang penting

semasa menyampaikan kurikulum bertulis dalam kelas (Shan, 2014). Memandangkan latar belakang akademik asas ketiga-tiga pensyarah bukan dari bidang bahasa, malahan dari bidang kejuruteraan, pengurusan perniagaan dan kesusasteraan, maka latar belakang pensyarah tersebut serba sedikit mempengaruhi kefahaman pensyarah terhadap kursus bahasa Mandarin ini.

Tambahan, pensyarah berpendapat kekangan masa merupakan faktor utama pengajaran dalam kelas yang mengabaikan aktiviti bahasa yang berbentuk lisan dalam kelas, terutamanya aktiviti kumpulan yang mengambil banyak masa untuk melaksanakannya. Akan tetapi aktiviti kumpulan merupakan aktiviti bahasa yang paling berkesan untuk kaedah pengajaran bahasa komunikatif (Brumfit, 1985). Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas (Bekala & Welford, 2000; Brown, 2009; Thornton, 1985a; Verhoeven & Verloop, 2002; Yangki, 1998) juga menunjukkan ketidaksejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran, lazimnya adalah kerana kurikulum bertulis tidak dilaksanakan keseluruhannya. Thornton dan Yangki mencadangkan pemantauan yang kerap harus dijalankan oleh pihak pengurusan untuk mengawasi pelaksanaan kurikulum pengajaran, dan latihan sebelum dan dalam perkhidmatan juga patut dilaksanakan untuk mempertingkatkan keprofesionalan pensyarah agar dapat meningkatkan kefahaman pensyarah terhadap kurikulum bertulis berkenaan.

Hal tersebut jelas menunjukkan bahawa program pendidikan yang terbaik tidak akan mendapat impak yang diinginkan sekiranya elemen-elemen penting tidak dilaksanakan dengan baiknya (Ruiz-Primo, 2006) kerana kurikulum yang dilaksanakan di sekolah telah ditetapkan lebih awal di sekolah, walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan wujudnya aktiviti yang terancang dan tidak terancang yang mempengaruhi pembelajaran dan pelaksanaan kurikulum yang ditetapkan lebih awal (Marsh & Willis, 2003).

Dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan kurikulum pengajaran pensyarah menumpu perhatian kepada menyampaikan maklumat terhadap bahasa yang dipelajari dan membetulkan sebutan pelajar. Maka masa dua jam seminggu untuk kelas bahasa Mandarin setakat dapat melakukan perkara tersebut. Ini telah menyebabkan pensyarah mengabaikan aktiviti amalan bahasa yang melibatkan pelajar secara langsung untuk melatih bahasa yang dipelajari dalam kelas. Justeru itu, kurikulum bertulis tidak dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi telah diadaptasikan oleh pensyarah (Synder et al., 1992). Maka terdapat ketidaksejajaran kurikulum antara kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari. Didapati pelajar tidak dapat menyerap dan memfokus pengajaran pensyarah dalam masa dua jam kerana pensyarah menyampaikan terlalu banyak maklumat dan pelajar menyuarakan bahawa mereka mengharapkan pensyarah melaksanakan aktiviti kelas yang mebolehkan pelajar berinteraksi dalam bahasa yang dipelajari. Sungguhpun pelajar mengatakan mereka memahami pengajaran pensyarah dalam kelas, pelajar tidak dapat mengaplikasikan bahasa yang dipelajari di luar kelas dalam kehidupan harian. Keadaan realiti ini menunjukkan pelajar tidak dapat mempelajari perkara yang diajar oleh guru (Glatthorn, 1999).

Walau bagaimanapun perlakuan pelajar belajar untuk menghadapi peperiksaan telah memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar terhadap kursus ini. Didapati pencapaian akademik pelajar untuk subjek ini adalah baik walaupun pencapaian akademik ini tidak menggambarkan keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin dalam kehidupan harian. Hal ini menunjukkan terdapat kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dari segi pencapaian akademik pelajar untuk subjek ini. Oleh sebab itu, kesejajaran antara ketiga-tiga jenis kurikulum adalah dari segi penilaian kursus ini iaitu kurikulum teruji. Namun, pencapaian pelajar tersebut bukan objektif utama kursus ini. Hal ini demikian kerana kurikulum teruji tidak menggambarkan keadaan sebenar pembelajaran pelajar

daripada kurikulum bertulis dan kurikulum pengajaran, ia cuma dapat menguji pelajar terhadap perkara yang diuji dalam peperiksaan sahaja dan perkara yang diuji mungkin tidak termasuk dalam kurikulum bertulis (Cuba, 1995; Yangki, 1998). Dengan itu, ia tidak menggambarkan pencapaian sebenar pelajar setelah mengikuti kursus ini. Tujuan utama kursus ini ialah kurikulum dipelajari, kurikulum dipelajari merangkumi segala pengalaman dan perkara yang pelajar alami dalam kelas (Glatthorn, 1999). Umumnya, dapatan kajian ini menunjukkan kurikulum dipelajari amat terhad, yakni cuma sebahagian kecil daripada kurikulum bertulis yang benar-benar dipelajari pelajar (Brophy, 2982). Daripada sembilan pelajar hanya terdapat seorang pelajar yang dapat bertutur dalam bahasa Mandarin berdasarkan sukatan pelajaran untuk kursus ini.

Pendek kata, kurikulum bertulis dan pelaksanaannya merupakan satu proses yang rumit dan dipengaruhi oleh banyak elemen-elemen yang terancang dan tidak terancang. Thornton (1985a) melihat hal ini secara keseluruhan. Beliau mengatakan kurikulum bertulis tidak semestinya menggambarkan niat guru, ini bermaksud guru tidak semestinya mengamalkan perkara yang terkandung dalam kurikulum bertulis. Di samping itu, markah ujian pelajar hanya merupakan sebahagian daripada dapatan pelajar. Jadi kurikulum tidak sesuai dikaji tanpa merujuk kepada kurikulum bertulis, proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, kurikulum teruji dan kurikulum dipelajari.

5.2 Implikasi dan Cadangan

Kajian ini meneliti kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan pelaksanaan kurikulum, iaitu kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari untuk kursus bahasa Mandarin di universiti. Kajian ini melibatkan satu proses yang lengkap untuk meneliti fenomena pendidikan secara mendalam dan menyeluruh. Fullan (2001) mengatakan pelaksanaan adalah *“the process of putting into practice an idea, program, or set of activities and structures new to people attempting or expected to change”* (hlm.69).

Pelaksanaan adalah penting kerana ia merupakan satu proses untuk mencapai objektif yang diinginkan. Penilaian pelaksanaan kurikulum dijalankan untuk membekalkan semakan tentang keberkesanan pelaksanaan kurikulum institusi pada suatu tempoh masa tertentu, mengenal pasti aspek yang perlu ditambahbaik, mendapat informasi keesahan hipotesis terhadap institusi yang mengendalikan kurikulum tertentu, membekalkan informasi untuk penjaga dan ibubapa pelajar serta membekalkan maklumat untuk orang awam (Smith & Tyler, 1942 dlm. Snyder et al., 1992).

Kaedah kajian dan kajian tentang proses pelaksanaan kurikulum untuk kajian ini mengesyorkan satu kaedah alternatif untuk kajian dalam bidang bahasa. Kajian ini memberi implikasi kepada kajian dalam bidang bahasa yang selama ini lebih mementingkan kajian bahasa dari aspek linguistik. Kajian ini mendeskripsikan dan menerangkan fenomena pendidikan dalam bidang bahasa daripada kurikulum yang ditetapkan oleh penggubal kurikulum dan pengurusan kepada pelaksanaan kurikulum dalam kelas. Seterusnya, ia meneliti kurikulum sebenar yang dipelajari pelajar dalam kelas dan pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin. Kajian ini meneliti perkara yang diajar dan dipelajari dalam kelas melalui pelbagai sumber. Dengan itu, kajian ini mengisi jurang kajian dalam bidang bahasa terutamanya bahasa Mandarin yang masih kurang diambil perhatian oleh pengkaji terhadap fenomena tersebut setakat ini.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan kepentingan kesejajaran kurikulum untuk membekalkan maklumat yang berguna kepada pihak penggubal kurikulum, pihak pengurusan, pensyarah dan pelajar. Maklumat tersebut dapat meningkatkan kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan pelaksanaannya agar kurikulum bertulis kursus bahasa Mandarin dapat dijalankan seperti yang diinginkan. Pihak pengurusan hendaklah peka terhadap keperluan pensyarah dan kemudahan serta kesesuaian kelas di tempat pembelajaran. Melalui kajian ini, didapati keadaan fizikal dan kelengkapan kelas masih

perlu dipertingkatkan lagi. Terdapat kekurangan kemudahan kelengkapan kelas seperti komputer, projektor, *wifi*, dan persekitaran kelas yang bising menyebabkan pengajaran tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang lebih awal.

Salah satu elemen penting yang menjayakan pengajaran dalam kelas ialah kemudahan dan kesesuaian fizikal tempat pembelajaran. Pihak pengurusan harus bekerjasama dalam hal ini dan membekalkan kelengkapan teknologi pengajaran yang terkini dan sesuai. Di samping itu, sentiasa memastikan peralatan berkenaan masih berfungsi agar proses pengajaran dalam kelas dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu, ruang kelas yang terhad juga mempengaruhi pengendalian pengajaran dalam kelas untuk kajian ini, terutama sekali ketika menjalankan aktiviti kelas. Justeru itu, pihak pengurusan perlu mengambil berat hal ini dan menghadkan bilangan pelajar dalam kelas, mempertingkatkan kemudahan pengajaran teknologi dan keselesaan persekitaran pembelajaran.

Pihak pengurusan dan penglibatan jabatan memainkan peranan yang penting dalam proses pelaksanaan kurikulum (Alexson & Kemnitz, 2003). Kemmis (1986) mengatakan kurikulum bukan setakat terhad kepada pengalaman pembelajaran yang direka untuk pelajar, ia termasuk juga aspek keadaan sekolah juga. Sehubungan dengan itu, sokongan pihak pengurusan dan peka terhadap keperluan pensyarah dan pelajar amat penting, terutama sekali dari segi kelengkapan dan kemudahan kelas serta memastikan saiz kelas adalah sesuai dengan jumlah bilangan pelajar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan kepercayaan pensyarah dan tingkah laku pelajar merupakan aspek utama yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum bertulis. Aspek-aspek tersebut adalah di luar kawalan perancang dan orang yang mereka kurikulum (English, 1992). Kajian ini memberi implikasi kepada penggubal kurikulum, pensyarah bahasa dan pelajar, terutama sekali terhadap pedagogi pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin yang menegaskan kemahiran komunikatif untuk orang

dewasa di peringkat universiti. Didapati pensyarah mengaplikasikan kaedah pengajaran bahasa nahu terjemahan yang berpusatkan guru, mementingkan pengajaran tatabahasa dan terjemahan, bukan kaedah pengajaran bahasa komunikatif yang membolehkan pensyarah melaksanakan pengajaran yang berpusatkan pelajar, dan melibatkan penyertaan pelajar untuk berinteraksi dalam bahasa Mandarin dalam kelas. Pensyarah sepatutnya memainkan peranan sebagai fasilitator dalam kelas bahasa komunikatif dan membimbing pelajar menjalankan aktiviti kelas yang berbentuk lisan. Hal ini dapat dijelaskan daripada dapatan kajian, yakni pensyarah setakat menyelak-nyelak dokumen kurikulum bertulis, dan penerangan yang ternyata dalam kurikulum bertulis terhadap perkara tersebut kurang jelas dan terperinci. Schmidt, Houang dan Cogan (2002) mengatakan isi kandungan yang ternyata dalam kurikulum bertulis adalah penting untuk mencapai objektif kursus yang ditawarkan kerana kurikulum yang menentukan perkara yang akan dipelajari pelajar.

Pensyarah mengakui kekurangan tersebut dan mengatakan akan cuba memperbanyak aktiviti yang melibatkan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin secara aktif dalam kelas. Pensyarah menyuarakan hal tersebut berlaku kerana kekaangan masa, dan pensyarah mengatakan bahawa aktiviti kelas akan dilaksanakan sekiranya masa mengizinkan, yakni setelah penerangan kosa kata dan tatabahasa yang dipercayai oleh pensyarah wajib dijekaskan dengan teliti sebelum aktiviti kelas dijalankan. Hal ini memberi implikasi kepada penggubal kurikulum untuk menerangkan pelaksanaan kurikulum secara terperinci dalam kurikulum bertulis, terutama sekali dari segi pedagogi. Ini kerana pensyarah mengaplikasikan kaedah pengajaran yang mereka dipercayai akan memanfaatkan pelajar masing-masing. Sehubungan dengan itu, pengajaran sebenar dalam kelas telah terpesong daripada kurikulum yang diingini oleh penggubal kurikulum dan pelajar.

Berkenaan dengan hal ini, Giles (1942, dlm. Ornstein & Hunkins, 2004) mencadangkan empat soalan untuk pereka kurikulum ketika membentuk dan mereka kurikulum, salah satu daripadanya soalan berkenaan adalah “*What instruction strategies, resources, and activities will be employed?*” (hlm 236). Jelas dilihat kaedah dan pendekatan pengajaran, sumber dan aktiviti pengajaran ialah perkara yang perlu dipertimbangkan oleh penggubal dan pereka kurikulum. Ia perlu disarankan dan dinyatakan secara terperinci dalam kurikulum bertulis. Berdasarkan dapatan kajian ini dapat dirumuskan kekangan masa dan kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh pensyarah merupakan sebab utama ketidaksejajaran kurikulum berlaku dalam kelas bahasa Mandarin. Oleh sebab itu, penggubal kurikulum harus menyemak semula kurikulum yang sedia ada dan menambah baik kurikulum berkenaan.

Celce-Murcia (2001) menyarankan tiga perkara yang harus dipertimbangkan sebelum membuat pilihan tentang pendekatan dan kaedah pengajaran bahasa. Saranan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk memilih pendekatan pengajaran kursus ini:

- i. Menilai keperluan pelajar (tujuan pelajar belajar bahasa)
- ii. Menilai limitasi pengajaran (masa, saiz kelas, bahan pengajaran, faktor fizikal seperti bilik kuliah, sokongan AV)
- iii. Menentukan keperluan, sikap dan keupayaan setiap pelajar (setakat mana kemungkinan pencapaian mereka)

Memandangkan objektif kursus bahasa Mandarin dan keperluan pelajar mengambil kursus ini adalah untuk bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam kehidupan harian, maka kaedah pengajaran bahasa komunikatif yang menegaskan aktiviti bahasa yang membolehkan pelajar berinteraksi dalam bahasa yang dipelajari secara aktif berdasarkan situasi tertentu amat sesuai untuk kursus ini. Penggubal kurikulum harus menerangkan kaedah pengajaran tersebut dalam kurikulum bertulis

secara terperinci agar pensyarah dapat memahami pelaksanaan kaedah pengajaran yang disarankan.

Namun, dapatan kajian mendapati kelas bahasa Mandarin diadakan seminggu sekali, selama dua jam setiap kali sekadar dapat menghabiskan sukatan pelajaran, tidak dapat menjalankan aktiviti kelas. Seperkara lagi, bilangan pelajar yang ramai yakni lebih kurang 30 orang pelajar dalam satu kelas mengambil lebih masa untuk menjalankan aktiviti kelas seperti aktiviti kumpulan yang memerlukan persembahan hasil kumpulan. Jadi, pendekatan pengajaran *flipped classroom* yang dipopularkan oleh Bergmann dan Sams (2012) disyorkan untuk kursus ini. Pendekatan tersebut telah menjadi trend yang terkini dalam bidang pendidikan di Amerika Syarikat kebelakangan ini.

Flipped classroom menterbalikkan pengajaran tradisional, yakni perkara yang tradisional dilakukan dalam kelas sekarang dilakukan di luar kelas, dan kerja rumah diselesaikan dalam kelas (Bergmann & Sams, 2012). Mengikut Roehl, Reddy dan Shannon (2013), *flipped classroom* mengaplikasikan teknologi yang senang digunakan atau yang sedia ada untuk menyampaikan bahan pengajaran sebelum kelas. Pensyarah dapat memberi penerangan dan pengajaran seberapa banyak yang mungkin dan pelajar pula boleh belajar berdasarkan kemajuan masing-masing sebelum kelas.

Dengan itu, ia meluangkan masa kelas untuk aktiviti pembelajaran aktif agar interaksi dalam bahasa Mandarin secara aktif dalam kelas dapat dilaksanakan di kalangan pelajar. Dalam *flipped classroom* membimbing dan membetulkan kesalahan pelajar secara langsung dalam kelas merupakan peranan utama pensyarah. Steed (2012) menerangkan kelebihan model *flipped classroom* dengan mengatakan model *flipped classroom*:

“ ... maximising the time we get to spend working with our students directly ... students have permanent access to these resources and so can go back to review them after the lesson or as part of their revision.”(hlm.11).

Dengan itu, masalah pensyarah yang mengatakan penyampaian kandungan secara terperinci menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk menjalankan aktiviti kelas dapat diselesaikan dengan pendekatan tersebut. Selain itu, pendekatan ini menegaskan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, iaitu guru harus memainkan peranan sebagai fasilitator (Missildine, Fountain, Summers & Gosselin, 2013). Perbincangan tersebut jelas menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran ini adalah sejajar dengan objektif kursus ini.

Umumnya, pendekatan *fipped classroom* selain daripada menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran daripada kajian ini, penggunaan peranti digital untuk pengajaran juga dapat menarik minat pelajar terhadap bahasa yang dipelajari kerana pengajaran melalui peranti digital amat bersesuaian dengan cita rasa generasi pelajar sekarang. Pelajar kini seperti yang dikatakan Wilson dan Gerber (2008) ialah pelajar *millennial*. Mereka merupakan generasi “*digital natives*” yang mencipta cara sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam talian (Prensky, 2004).

Tambahan, model ini mencapai tahap aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian dalam teori pembelajaran Bloom Taksonomi, manakala pengajaran tradisional biasanya berada pada tahap pengetahuan dan kefahaman sahaja. Kajian-kajian tentang pendekatan ini telah menunjukkan kelebihan dari segi penggunaan masa kelas dengan berkualiti, pembelajaran yang melibatkan pelajar secara aktif dalam kelas, peningkatan kedatangan pelajar, penggunaan pelbagai sumber untuk pengajaran melalui jaringan internet, penguasaan kemajuan pembelajaran pelajar berdasarkan keupayaan pelajar sendiri dan sebagainya (Bergmann & Sams, 2012; Fulton, 2012; Herreid & Schiller, 2013; Martin, 2012; Messner, Litzinger & Lee, 2009; Missildine, Fountain, Summers & Gosselin, 2013; Ruddick, 2012; Steed, 2012; Strayer, 2012).

Dari segi kurikulum dipelajari, kajian ini memberi implikasi kepada penggubal kurikulum, pensyarah dan pelajar untuk mempertingkatkan pengajaran dan

pembelajaran bahasa Mandarin. Dapatan kajian menunjukkan kesemua sembilan orang peserta pelajar belajar ataupun mengulang kaji subjek bahasa Mandarin sekiranya mereka mempunyai penilaian sebelum kelas bahasa Mandarin, dan didapati pelajar mendapat pencapaian akademik yang baik tetapi tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin dalam kehidupan harian. Ini menunjukkan pencapaian kurikulum teruji adalah lebih baik daripada kurikulum dipelajari untuk kajian ini. Sehubungan dengan itu, penggubal kurikulum harus menyemak semula penilaian kursus ini agar dapat mengurangkan jurang antara pencapaian akademik pelajar dengan penguasaan kemahiran bertutur sebenar pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan ujian pengimlakan setiap minggu telah mendorong pelajar belajar dan mengingat beberapa kosa kata. Memandangkan hal tersebut telah merangsangkan pelajar mengulang kaji bahasa Mandarin, pensyarah harus melaksanakan ujian yang senang dan mudah setiap minggu di luar ataupun dalam kelas bahasa Mandarin agar pelajar mengulang kaji bahasa Mandarin sebelum masuk ke kelas, terutama sekali sekiranya mengaplikasikan pendekatan *flipped classroom* dalam kurikulum bahasa Mandarin. Hal ini demikian kerana semua “kerja rumah” mesti diuji agar kelas aktiviti dapat dijalankan dengan prasyarat pelajar telah mempelajari pelajaran yang telah diberikan kepada pelajar sebelum kelas.

Selain itu, melalui pengalaman pembelajaran Farah dan Shelia, didapati minat dan keazaman yang teguh merangsangkan pelajar belajar lebih daripada yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Kebanyakan pelajar minat terhadap subjek ini tetapi tidak mempunyai keazaman untuk meneruskan kegigihan mereka terhadap subjek ini, terutama sekali apabila berhadapan dengan subjek teras yang diambil. Pensyarah harus mempelbagaikan kaedah pengajaran, melaksanakan pengajaran dan aktiviti yang menarik serta bersesuaian dengan cita rasa pelajar untuk menarik minat pelajar supaya berusaha sepanjang masa terhadap subjek ini.

Cara yang dapat menarik minat pelajar seperti yang dicadangkan oleh pelajar termasuk belajar melalui lagu, aktiviti kumpulan dalam kelas dan mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam komuniti khususnya bertutur dengan penutur natif. Sungguhpun pelajar tidak dapat bertutur banyak dalam komuniti, namun sekiranya pelajar dapat memahami atau boleh bertutur dengan penutur natif, kepuasan dan kegembiraan pelajar setelah melakukan perkara tersebut dapat memotivasikan pelajar meneruskan usaha mereka. Hal tersebut memberi implikasi kepada pensyarah untuk memotivasi pelajar mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan melalui aktiviti di luar kelas atau aktiviti simulasi. Walau bagaimanapun, pensyarah harus sentiasa memerhatikan keadaan pelajar dan mempelbagaikan kaedah kerana tidak ada satu kaedah tertentu yang boleh diguna pakai untuk semua pelajar.

Dapat dirumuskan juga bahawa masalah yang dihadapi pelajar semasa belajar bahasa Mandarin adalah tidak dapat mengingat kosa kata, segan dan takut melakukan kesalahan. Ketiga-tiga faktor menyebabkan pelajar tidak mempunyai keyakinan untuk mengaplikasikan bahasa Mandarin di luar kelas. Faktor kosa kata merupakan masalah utama yang menyebabkan pelajar berasa segan dan takut melakukan kesalahan sekiranya hendak mempraktikkan dalam komuniti. Jika pelajar dapat menguasai kuantiti kosa kata yang mencukupi untuk bertutur, mereka akan mempunyai keyakinan untuk mencuba. Menurut Lu (2000), adalah penting bagi seseorang pelajar bukan penutur natif yang belajar bahasa Mandarin pada peringkat asas untuk menguasai kuantiti kosa kata yang banyak. Sehubungan dengan itu, pensyarah harus membantu pelajar mengingat seberapa banyak kosa kata yang boleh, sekurang-kurangnya kosa kata yang terkandung dalam sukatan pelajaran. Dapatan kajian menunjukkan sebab pelajar tidak dapat mengingat kebanyakan perkara yang dipelajari kerana pelajar belajar untuk peperiksaan sahaja, mereka tidak mempraktikkan dalam kehidupan harian. Memang tidak dapat dinafikan bahawa mempraktikkan bahasa dalam kehidupan harian ialah

kaedah yang paling berkesan untuk menjadi fasih dalam bahasa yang dipelajari (Li, 2015; Lin, 2015; Shan, 2014). Pembelajaran bahasa merupakan satu proses yang berteursan, ia memerlukan latihan kerap kali dan mengulangi percakapan untuk menjadi mahir. Pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk komunikasi tidak akan mencapai objektifnya tanpa praktikal.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa melalui rakaman video yang melibatkan komunikasi antara pelajar dengan orang yang fasih dalam bahasa Mandarin dalam komuniti dapat memaksa dan memastikan pelajar mengaplikasikan bahasa yang dipelajari. Sekiranya pelajar menguasai kuantiti kosa kata yang mencukupi untuk sesuatu perbualan tertentu, perlakuan segan dan takut melakukan kesalahan dapat diatasi. Dapatan kajian menunjukkan pelajar tidak pernah ataupun jarang-jarang bercakap dalam bahasa Mandarin dalam kelas, maka tidak mungkin pelajar akan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian. Jelas dilihat aktiviti kelas dan penilaian juga merupakan perkara yang mempengaruhi kesejajaran kurikulum seperti yang dijelaskan Thornton (1985a) seperti berikut: "*Consonance depends not only on whether subject matter is actually transmitted, but also whether the learning activities and evaluation procedures are consonant with the rhetoric of the curriculum rationale*" (hlm.174).

Selain daripada implikasin dan cadangan tersebut, didapati pensyarah memerlukan latihan dalam perkhidmatan terutama sekali ketiga-tiga pensyarah tidak mempunyai kelayakan akademik asas dalam bidang pendidikan dan bahasa. Maka, latihan untuk pengajar juga harus diambil berat oleh pihak pengurusan. Tambahan, pembelajaran merupakan satu proses sepanjang hayat dan dalam era elektronik ini, segala perubahan berlaku dalam masa yang singkat. Pengajar harus peka terhadap perubahan semasa dan menyesuaikan diri sendiri dengan trend teknologi terkini supaya pedagogi yang diaplikasikan serasi dengan pelajar yang cenderung kepada penggunaan

peranti digital. Di samping itu, pihak pengurusan juga harus mengadakan latihan dalam perkhidmatan kepada pengajar tentang perkembangan terkini dalam pendidikan dari segi kaedah pengajaran, penilaian, latihan *hands-on* tentang penggunaan teknologi pengajaran terkini dan sebagainya.

Pihak pengurusan juga boleh mengadakan rangkaian (*network*) iaitu menyediakan satu pentas kepada pensyarah untuk berkongsi pengetahuan dan sumber pengajaran, membincangkan masalah yang dihadapi dan sebagainya termasuk memuat naik rakaman video pengajaran pensyarah. Hal ini seperti yang dicadangkan Hanna untuk belajar dengan memerhatikan pengajaran dalam kelas pensyarah yang berpengalaman. Kajian ini menunjukkan pensyarah tidak diberi peluang untuk berkongsi pengetahuan dan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap pensyarah mencari maklumat sebagai rujukan untuk penganjaran dan pembelajaran masing-masing dan menyelesaikan masalah menerusi pengalaman sendiri. Maka, pembentukan rangkaian untuk pensyarah harus diusahakan demi mempertingkatkan kualiti pengajaran pensyarah dalam bahasa Mandarin.

5.2.1 Cadangan Kajian Lanjut

Melalui kajian ini, didapati lebih banyak kajian tentang kurikulum dalam bidang bahasa diperlukan. Kaedah kajian ini boleh diguna pakai untuk mengkaji proses pelaksanaan atau penilaian kurikulum untuk bahasa Melayu, bahasa Inggeris ataupun bahasa asing seperti bahasa Arab, Jepun, Perancis, Jerman dan lain-lain bahasa lagi. Hal ini demikian kerana kaedah dan bidang kajian ini adalah penting untuk meneliti dan memahami hasil kursus yang ditawarkan secara holistik, terutama sekali dalam bidang bahasa yang kurang mengambil berat kajian untuk kurikulum bahasa yang ditawarkan. Selain daripada bahasa, kurikulum untuk subjek-subjek lain seperti subjek di fakulti lain juga sesuai untuk menjalankan kajian seperti ini untuk meneliti pelaksanaan kurikulum secara menyeluruh.

Daripada penerangan terhadap kurikulum yang ditawarkan di universiti dalam bab dua, didapati setiap universiti mempunyai kurikulum bahasa Mandarin yang tersendiri. Justeru itu, kajian yang sama seperti kajian ini boleh dilaksanakan terhadap universiti lain yang menawarkan kursus seperti kajian ini. Cadangan dapatan kajian lanjut ini boleh digunakan untuk membandingkan pencapaian pelajar daripada kurikulum yang berbeza antara institusi pengajian tinggi awam dan juga universiti swasta di Malaysia.

Melalui dapatan kajian ini didapati kepercayaan guru mempengaruhi kaedah pengajaran dan pengendalian kelas. Akan tetapi kajian ini tidak memfokus kepada komponen sikap, kepercayaan dan profesional pensyarah. Maka kajian lanjut tentang perkara tersebut boleh dilakukan untuk mengetahui secara mendalam kefahaman pensyarah terhadap kurikulum yang diajar dan bagaimana komponen-komponen tersebut mempengaruhi pelaksanaan kurikulum berkenaan. Memandangkan keprofesionalan pensyarah akan mempengaruhi kefahaman pensyarah terhadap kurikulum bertulis (Moore, 1984; Weisz, 1988), dan kefahaman pensyarah terhadap kurikulum bertulis akan memudahkan guru menentukan kesejajran kurikulum (Thornton, 1985a), maka disarankan agar kajian terhadap kepercayaan pensyarah bahasa ketiga atau bahasa asing dengan amalan pengajaran dan pengendalian kelas dijalankan dengan lebih mendalam bagi memahami pelaksanaan kurikulum pengajaran dalam kelas bahasa.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan beberapa faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Mandarin seperti masalah penguasaan kosa kata, perlakuan pelajar seperti segan dan takut melakukan kesalahan. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Mandarin tidak terbatas daripada faktor tersebut, kajian lanjut harus dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor lain dan meneliti secara mendalam semua

faktor-faktor berkenaan untuk meningkatkan kesejajaran kurikulum antara kurikulum pengajaran dengan kurikulum dipelajari.

Seterusnya, kajian lanjut tentang kaedah dan stail pembelajaran pelajar untuk mengingati kosa kata juga amat diperlukan. Daripada dapatan kajian ini jelas dilihat pelajar menghadapi masalah tersebut, kajian lanjut harus menuju kepada haluan ini untuk membantu pelajar mengenal pasti masalah dan cara penyelesaian terhadap perkara tersebut.

Kajian ini harus dilanjutkan untuk mengkaji secara mendalam tentang penilaian untuk kursus bahasa Mandarin demi memahami ketidaksejajaran antara kurikulum teruji dengan kurikulum dipelajari. Didapati kesemua peserta pelajar mengatakan pencapaian akademik dalam bahasa Mandarin mereka tidak menggambarkan keadaan keupayaan bertutur sebenar mereka. Pencapaian akademik bahasa Mandarin pelajar jauh lebih baik daripada kemahiran bertutur sebenar pelajar. Justeru itu, kajian tentang kurikulum dari segi penilaian kursus boleh dijadikan kajian lanjut daripada kajian ini.

Dapatan kajian ini juga mendapati kaedah pengajaran *flipped classroom* merupakan salah satu alternatif untuk kursus bahasa Mandarin ini kerana ia dapat mengatasi masalah pensyarah seperti peruntukan masa untuk menjalankan aktiviti kelas dan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan generasi sekarang. Sehubungan dengan itu, kajian tentang *flipped classroom* dalam kelas bahasa Mandarin setelah melaksanakan kaedah tersebut boleh dijalankan untuk mengetahui kesesuaian kaedah pengajaran bahasa Mandarin dan implikasinya.

5.3 Kesimpulan

Dapatan kajian daripada ketiga-tiga kelas bahasa Mandarin menunjukkan terdapat kesejajaran dan ketidaksejajaran kurikulum dalam kelas bahasa Mandarin antara kurikulum bertulis dengan pelaksanaannya, yakni kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari. Didapati kurikulum bahasa Mandarin ini tidak dilaksanakan dan

dialami oleh pelajar seperti yang diharapkan. Akan tetapi, terdapat kesejajaran kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dari segi penilaian untuk kursus ini. Ini kerana penilaian untuk kursus ini dilaksanakan seperti yang diterangkan dalam kurikulum bertulis. Namun, pencapaian akademik pelajar untuk subjek ini tidak menggambarkan keupayaan bertutur pelajar, yakni pencapaian akademik pelajar adalah baik, tetapi lazimnya mereka tidak menguasai kemahiran bertutur dan menggunakan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian.

Dapatan kajian jelas menunjukkan ketidaksejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dari segi kaedah pengajaran bahasa yang diaplikasikan oleh pensyarah yang cenderung kepada kaedah pengajaran bahasa nahu terjemahan, dan didapati kesan kaedah pengajaran tersebut ialah pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Padahal kaedah pengajaran bahasa komunikatif yang menegaskan aktiviti bahasa yang melibatkan interaksi pelajar dalam bahasa yang dipelajari dalam kelas lebih sesuai untuk kursus ini. Ini bermakna pensyarah mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru, bukan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Hal ini demikian kerana dokumen kurikulum bertulis tidak menerangkan dengan jelas dan terperinci terhadap aspek tersebut, dan pensyarah setakat menyelak-nyelak dokumen kurikulum bertulis tanpa merujuk kepada dokumen berkenaan untuk merancang pengajaran. Pensyarah berdasarkan kepercayaan dan kefahaman sendiri terhadap kursus ini untuk melaksanakan pengajaran dalam kelas.

Selain itu, kekangan masa menyebabkan pensyarah memfokuskan pengajaran kosa kata dan tatabahasa sahaja, dan mengabaikan aktiviti bahasa dalam kelas yang membolehkan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Dengan itu, kurikulum dipelajari sememangnya tidak sejajar dengan kurikulum bertulis kerana pensyarah yang sebagai ejen antara kurikulum bertulis

dengan kurikulum dipelajari tidak menyampaikan kurikulum bertulis seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis.

Sehubungan dengan itu, pendekatan *flipped classroom* disarankan untuk mengatasi masalah kekangan masa untuk menjalankan aktiviti kelas yang membolehkan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin secara aktif dalam kelas. Dengan pendekatan *flipped classroom*, pengajaran pensyarah dijalankan sebelum kelas melalui peranti digital sebagai kerja rumah. Masa kelas digunakan untuk aktiviti kelas seperti aktiviti kumpulan, perucapan, lakon peranan dan tugas lisan yang lain. Dengan itu, pelajar akan lebih berkeyakinan untuk mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam komuniti kerana mereka telah mencuba dalam kelas.

Tambahan, kurikulum dipelajari oleh pelajar setelah mengikuti kursus ini amat terhad. Dalam pada itu, pelajar hanya belajar atau mengulang kaji bahasa Mandarin sekiranya mereka harus menduduki peperiksaan dan perlakuan pelajar masing-masing juga menyebabkan perkara tersebut berlaku. Pelajar hanya dapat bertutur dalam situasi ataupun topik tertentu semasa ujian dijalankan ataupun diberi masa untuk menghafal dan mengingat kosa kata berkenaan. Hal ini menyebabkan pencapaian akademik pelajar berbeza dengan keupayaan bertutur pelajar.

Perlakuan pelajar belajar untuk penilaian sahaja juga menyebabkan ingatan terhadap kosa kata yang dipelajari adalah sementara dan kuantiti kosa kata yang dikuasai pelajar adalah terhad. Penguasaan kuantiti kosa kata yang banyak adalah penting untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin pada peringkat asas bagi pelajar penutur bukan natif. Masalah penguasaan kuantiti kosa kata yang mencukupi untuk bertutur telah menyebabkan pelajar tidak mempunyai keyakinan untuk bertutur dengan orang yang fasih dalam bahasa Mandarin dalam komuniti. Ketidakyakinan tersebut telah menyebabkan pelajar berasa segan dan takut melakukan kesalahan untuk mencuba dan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari.

Melalui kajian ini, selain daripada dapatan kajian yang diterangkan tersebut, didapati kajian tentang kesejajaran kurikulum dalam bahasa Mandarin ini telah membuka satu alternatif dalam bidang bahasa yang setakat ini lebih cenderung kepada kajian linguistik. Lebih banyak kajian dalam bidang bahasa tentang kurikulum terutamanya untuk kurikulum bahasa ketiga dan bahasa asing amat diperlukan. Namun, kaedah kajian ini juga sesuai diaplikasikan untuk subjek-subjek lain. Selain daripada itu, kajian lanjut daripada kajian ini boleh diberi tumpuan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan daya ingatan pelajar, khususnya untuk mengingati kosa kata.

Dari pihak pengurusan, pereka dan penggubal kurikulum, dapatan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan dan pereka kurikulum untuk mereka dan menyemak semula kurikulum dalam bahasa Mandarin dan bahasa lain yang setaraf dengannya. Dapatan kajian terdapat kekurangan dari segi kemudahan kelengkapan fizikal, jaringan untuk berkongsi pengetahuan dan sumber pengajaran serta kompetensi pensyarah harus diambil berat oleh pihak pengurusan. Kajian ini juga boleh menjadi bahan ataupun refleksi pensyarah untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran di samping itu meningkatkan kualiti pengendalian kelas pensyarah dalam kelas bahasa Mandarin khususnya.

Pendek kata, kajian ini mencapai tiga objektif utama dalam mengkaji proses pelaksanaan kurikulum yang dikemukakan oleh Stufflebem (1984):

- i. Memberi maklum balas kepada pengurus dan staf tentang keberkesanan aktiviti kurikulum yang dijalankan dan penggunaan sumber yang sedia ada.
- ii. Menjadi garis panduan untuk mengubahsuai, menilai penyampaian pengajaran pensyarah dan penerimaan pelajar terhadap kurikulum bertulis.

- iii. Memberi laporan tentang perbezaan di antara kurikulum bertulis dengan pelaksanaan kurikulum dan menilai usaha yang diceburi oleh pengguna kurikulum, yakni pensyarah dan pelajar.